



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia



NO GIFT POLICY

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (2)

Tarikh : 26 Januari 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2018

PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM: DIPLOMA PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN (*PROGRAMME STANDARDS: DIPLOMA IN DENTAL SURGERY ASSISTANCE*)

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Program Pergigian (JKTAP) dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membangunkan dokumen jaminan kualiti, Standard Program: Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian (*Programme Standards: Diploma in Dental Surgery Assistance*).

3. Standard program ini dibangunkan berpandukan kepada tujuh (7) bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). Selain itu, pembangunan dokumen jaminan kualiti ini berhasrat untuk membantu dan menjadi pemangkin kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menjamin kualiti program pengajian di Malaysia.

4. Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian sebagai panduan kepada PPT dalam penawaran program pengajian di institusi masing-masing. Ia akan digunakan oleh pegawai MQA dan JKTAP dalam penilaian program Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan standard program dapat memastikan keseragaman kualiti minimum graduan yang mengikuti program Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian di Malaysia.

5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam menyediakan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program

yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau kementerian, maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai..

6. Dokumen ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Institutional Audit*, COPIA) dan dasar semasa jaminan kualiti pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, PPT boleh menambah elemen-elemen lain yang bersesuaian bagi memastikan kapasiti program selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

7. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 Februari 2018 sehingga 31 Januari 2019	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi standard program.
2.	1 Ogos 2018	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	1 Ogos 2018	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

8. Standard Program: Diploma Pembantu Pembedahan Pergigian boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR